

Pengeluaran getah asli meningkat 23.8 peratus

PETALING JAYA: Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 23.8 peratus kepada 29,867 tan metrik pada Jun daripada 24,126 tan metrik bulan sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli turun 3.9 peratus kepada 31,083 tan metrik.

Jelas beliau, pengeluaran getah asli pada Jun disumbangkan terutama oleh sektor pekebun kecil sebanyak 85.9 peratus dan bakinya, sektor estet sebanyak 14.1 peratus.

“Jumlah stok getah asli pada Jun 2023 menurun 5.4 peratus kepada 159,742 tan metrik berbanding 168,806 tan metrik pada Mei 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.1 peratus) dan estet getah (0.2 peratus),” katanya dalam kenyataan Perangkaan Getah Bulanan Malaysia, Jun 2023.

Mohd. Uzir berkata, pengeluaran getah asli pada suku kedua 2023 menurun 7.6 per-

tus kepada 77,453 tan metrik berbanding 83,848 tan metrik pada suku pertama 2023.

Bagaimanapun, prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2023 mencatatkan peningkatan 3.8 peratus berbanding suku kedua 2022 (74,635 tan metrik).

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,857 tan metrik pada Jun 2023 meningkat 31.8 peratus berbanding Mei 2023 (37,062 tan metrik) dengan China terus kekal sebagai destinasi utama berjumlah 50.6 peratus.

Ia diikuti Jerman sebanyak 7.8 peratus, Amerika Syarikat (4.9 peratus), Pakistan (3.1 peratus) dan Iran (2.5 peratus).

“Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, + benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.9 bilion pada Jun 2023, menurun 5.0 peratus berbanding Mei 2023 (RM1.0 bilion),” katanya.